



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S)800-1/1/6 JLD.9(9)

Tarikh : 10 September 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI HAJI KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Seperti dimaklumi, Kerajaan melalui Perintah Am Bab C (Cuti) telah memperuntukkan kemudahan Cuti Haji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam lantikan tetap bagi tujuan untuk mengerjakan ibadah Haji.
3. Seajar dengan komitmen Kerajaan untuk memelihara kebajikan Pegawai Perkhidmatan Awam serta memperkuat penghayatan nilai ihsan dalam kerangka Malaysia MADANI, Kerajaan telah bersetuju untuk menambah baik kemudahan ini seperti berikut:

- i. memansuhkan syarat pengesahan dalam perkhidmatan; dan

- ii. Ketua Jabatan boleh meluluskan Cuti Haji bergaji penuh sehingga 40 hari, termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am. Sekiranya tempoh haji adalah melebihi 40 hari, ia adalah berdasarkan kepada tempoh yang ditetapkan oleh pengelola jemaah haji mengikut mana yang lebih tinggi.
4. Sehubungan itu, Ceraian SR.5.3.1 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia berkenaan kemudahan Cuti Haji adalah dipinda sesuai dengan penambahbaikan ini.
5. Tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing, pindaan Ceraian SR.5.3.1 Kemudahan Cuti Haji ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)